



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JULAI /

31 / 2024

M/S

: 6

Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-65 Sultan Pahang

Tunku Azizah dahului penerima darjah kebesaran

Kuantan: Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mendahului senarai 24 penerima darjah kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-65 Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pahang berlangsung di Balai Mahkota Istana Abdulaziz, di sini, semalam.

Sultan Pahang berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Al-Sultan Abdullah Pahang Yang Amat Mulia - Peringkat Pertama Sri Setia Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah (SAAS) kepada Tunku Azizah bersama lapan lagi penerima.

Turut dikurniakan darjah kebesaran SAAS ialah Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah, Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Tujuh lagi penerima darjah kebesaran SAAS yang membawa gelaran Datuk Seri Setia ialah Tengku Arif Bendahara, Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah; Tengku Puteri Raja, Tengku Puteri Iman Afzan; Tengku Arif Temenggung, Tengku Fahad Mua'adzam Shah, Sultan Ahmad Shah.

Turut tersenarai, Tengku Puteri Seri Teja, Datuk Seri Tengku Muhaini Al-Marhum Sultan Ahmad Shah; Tengku Puteri Seri

Kemala, Tengku Datuk Seri Aishah; Tengku Puteri Seri Lela Manja, Tengku Datuk Seri Nong Fatimah dan Tengku Puteri Seri Bongsu, Tengku Datuk Sri Shahariah.

Al-Sultan Abdullah turut berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang kepada paduka adinda Raja Jordan, Putera Ali Al Hussein.

Sementara itu, Al-Sultan berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang - Peringkat Utama Sri Diraja Sultan Ahmad Shah Pahang (SDSA) yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Baginda turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang - Peringkat Pertama Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Penasihat Undang-Undang Pahang, Datuk Saiful Eddris Zainuddin; Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shamsul Azri Abu Bakar dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Norazlan Aris.

Turut menerima darjah kebesaran dan gelaran sama ialah Pengerusi FELCRA Berhad, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub; Ketua Jabatan Pembedahan Kardiotorasi-

sik dan Vaskular Institut Jantung Negara, Prof Datuk Dr Alwi Mohamed Yunus; Perunding Kanan Pakar Pembedahan Kardiotorasi dan Vaskular Institut Jantung Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Ezani Md Taib serta Perunding Ancom Nylex Berhad, Datuk Ahmad Johari Tun Abdul Razak.

Dua individu menerima darjah kebesaran Seri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran Datuk Indera ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohamad Mustafar dan Setiausaha Agung Higher Committee of Human Fraternity, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Datuk Dr Khalid Ghanim AlGaith.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Razali Kassim bersama Duta Besar Malaysia ke Itali, Zahid Rastam dan Pengarah Asian Perlite Industries Sdn Bhd, Lukman Runia Albert dikurniakan Darjah Kebesaran Indera Mahkota Pahang - Peringkat Kedua Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Datuk.

Mengakhiri senarai penerima ialah Juruiring kepada Putera Ali Al Hussein, Briged General (Rtd) Farid Moh'd Ali Hajamat Qat yang dikurniakan darjah kebesaran peringkat ketiga Setia Al-Sultan Abdullah Pahang (SAS).



Al-Sultan Abdullah mengurniakan Darjah Kebesaran Al-Sultan Abdullah Pahang Yang Amat Mulia - Peringkat Pertama Sri Setia Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah kepada Tunku Azizah di Istana Abdulaziz, semalam.

(Foto Jabatan Penerangan Pahang)